

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

TM. 83/2026

11 MAC 2026

MAJLIS IFTAR RAMADAN DI PERMATANG PAUH SEMARAKKAN PELANCONGAN KOMUNITI SEMPENA KEMPEN MELAWAT MALAYSIA 2026

PERMATANG PAUH — Tourism Malaysia hari ini menganjurkan Majlis Iftar Ramadan di Permatang Pauh sebagai salah satu acara utama dalam Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026). Program ini bertujuan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang kaya dengan budaya, tradisi dan keharmonian masyarakat.

Majlis berlangsung di Homestay Mengkuang Titi dengan kehadiran YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, serta diserikan oleh lebih 800 pengunjung termasuk pelajar Universiti Sains Malaysia, komuniti setempat dan rakan industri pelancongan dari Wilayah Utara.

Program bertemakan komuniti gotong-royong ini memberi peluang kepada masyarakat tempatan untuk berbuka puasa bersama-sama, sambil membolehkan pelawat tempatan dan antarabangsa merasai pengalaman Ramadan yang unik di Malaysia.

Salah satu objektif utama Majlis Iftar Ramadan ini adalah untuk memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik dan unik sepanjang bulan Ramadan. Pelawat tempatan dan antarabangsa berpeluang merasai pengalaman istimewa termasuk berkunjung ke bazaar Ramadan, menyertai aktiviti keagamaan di masjid dan berbuka puasa bersama-sama komuniti setempat.

Selain itu, majlis ini turut menonjolkan kepelbagaian makanan tradisional Malaysia kepada para pelawat. Hidangan istimewa seperti Bubur Lambuk, Nasi Briyani dan Roti Jala disajikan untuk memberikan pengalaman autentik budaya makanan tempatan yang menjadi sebahagian daripada identiti dan warisan masyarakat Malaysia.

Pemilihan Homestay Mengkuang Titi sebagai lokasi majlis pula menonjolkan kejayaan model pelancongan berasaskan komuniti dengan penyertaan aktif daripada masyarakat setempat. Program ini bukan sahaja mempromosikan budaya dan cara hidup masyarakat desa, malah turut membuka peluang penjana ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan komuniti tempatan.

Majlis Iftar Ramadan sempena VM2026 ini memperkukuh hubungan antara masyarakat tempatan dan pelawat sambil mempromosikan nilai perpaduan, toleransi dan imej positif Malaysia di persada antarabangsa.



Dengan sokongan penggiat industri pelancongan termasuk pengusaha homestay, pengendali pelancongan, pengusaha makanan tempatan dan wakil agensi pelancongan, program ini menyokong pembangunan sektor pelancongan negara dan menjadikan Malaysia sebuah destinasi pelancongan yang unik, berbudaya dan mesra pelawat sepanjang bulan Ramadan.

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Akbal Setia
Ketua Sekretariat VM2026/
Bahagian Pengiklanan dan Digital
akbalsetia@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8000

Norshariza binti Mohd Saad
Timbalan Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
norshariza@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8775

